

07 OCT 1996

Alatas-Myanmar

ASEAN TAK BERBALAH MYANMAR SERTAINYA

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Asean tidak berpecah atau berbalah dalam soal kemasukan Myanmar sebagai anggotanya yang ke 10, kata Menteri Luar Indonesia Ali Alatas di sini hari ini.

Beberapa negara anggota menyatakan pendapat mengenai masa kemasukan Myanmar, dan bukan prinsip keanggotaannya dalam Asean, kata beliau pada persidangan akhbar selepas pertemuan Presiden Suharto dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pemimpin Indonesia itu pulang hari ini setelah mengadakan lawatan kerja dua hari.

Alatas berkata kedua-dua pemimpin itu berbincang secara am mengenai Myanmar dan bersependapat bahawa pembabitian secara membina merupakan pendekatan terbaik dengan mengambil kira keadaan di Myanmar dan prinsip Asean berkaitan hubungannya dengan negara-negara lain.

Beliau berkata Myanmar perlu mematuhi beberapa peraturan teknikal sebelum ia dapat menganggotai Asean, seperti juga anggota baru yang lain.

Alatas berkata semua Menteri Luar Asean bersetuju pada mesyuarat tidak rasmi mereka di New York baru-baru ini supaya peraturan-peraturan ini perlu dilaksanakan.

"Kita bersetuju supaya peraturan ini dilaksanakan, sama ada pada 1997, 1998, kita belum tahu lagi...kita lihat sajalah," kata beliau apabila ditanya sama ada Myanmar akan diterima sebagai anggota pada mesyuarat tahunan Menteri Luar Asean di Kuala Lumpur tahun depan.

Asean kini dianggotai oleh Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Kamboja dan Laos dijadual menyertainya tahun depan manakala Myanmar telahpun mengemukakan permohonan rasmi menjadi anggota. -- BERNAMA

MAM MAI